UNTUK SIARAN SEGERA

KENYATAAN MEDIA

KEMPEN DISKAUN SAMAN KEBANGSAAN

MYDIGITAL ID SOKONG KEMPEN HARI KEBANGSAAN: DISKAUN 50% SAMAN TRAFIK PDRM MELALUI APLIKASI MYBAYAR

CYBERJAYA, 31 OGOS 2025 – MyDigital ID menyokong penuh pengumuman oleh **Kementerian Dalam Negeri (KDN)** dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) berhubung pelaksanaan **Kempen Diskaun Saman Kebangsaan** bersempena sambutan **Hari Kebangsaan ke-68** dan **Hari Malaysia ke-62**.

Kempen ini membolehkan rakyat Malaysia menikmati pengurangan saman trafik PDRM sebanyak **50%**, khusus untuk pembayaran melalui aplikasi **MyBayar PDRM** menggunakan **log masuk MyDigital ID**. Tawaran ini bermula dari **31 Ogos 2025 sehingga 16 September 2025**.

Sebagai platform identiti digital nasional, MyDigital ID berperanan memastikan proses pengesahan identiti rakyat berlaku dengan lebih **selamat, lancar dan dipercayai**, di samping menyokong aspirasi kerajaan dalam memperkukuh perkhidmatan digital sektor awam.

Ketua Pegawai Eksekutif MyDigital ID, Nik Hisham Nik Ibrahim, berkata, “Melalui integrasi dengan aplikasi MyBayar PDRM, rakyat bukan sahaja dapat menikmati kemudahan pembayaran saman secara lebih mudah dan pantas, malah turut dilindungi melalui kaedah pengesahan identiti digital yang lebih terjamin.

Visi kami jelas: MyDigital ID akan menjadi platform *Single Sign-On (SSO)* nasional, di mana rakyat hanya memerlukan satu log masuk untuk mengakses pelbagai perkhidmatan kerajaan, dan pada masa hadapan, sektor swasta juga. Ini akan menghapuskan keperluan mengingati pelbagai kata nama dan kata laluan, sekaligus

meningkatkan pengalaman pengguna terhadap perkhidmatan digital dengan cara yang lebih selamat, mudah dan efisien.”

Selaras dengan semangat Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia, MyDigital ID akan terus bekerjasama rapat dengan agensi kerajaan dalam memperluas penggunaan identiti digital nasional, sejajar dengan aspirasi negara ke arah perkhidmatan digital yang lebih inklusif, moden, dan berdaya tahan.

- TAMAT -

Mengenai MyDigital ID:

MyDigital ID ialah platform identiti digital yang selamat dan dipercayai yang direka untuk mengukuhkan dan memudahkan pengesahan identiti dalam talian, tanpa menggantikan sistem MyKad. Ia berfungsi sebagai log masuk tunggal untuk perkhidmatan digital, menawarkan keselamatan dan kebolehcapaian yang lebih besar kepada rakyat dalam mengakses perkhidmatan dalam talian dan melakukan transaksi.

MyDigital ID mengutamakan keselamatan dan privasi data. Ia tidak menyimpan sebarang data biometrik atau pangkalan data peribadi dan tidak berfungsi sebagai pengganti MyKad untuk tujuan pengenalan diri.

Muat turun aplikasi MyDigital ID melalui gedung aplikasi utama; Google Play Store, Apple App Store dan Huawei App Gallery. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.digital-id.my.

Untuk pertanyaan media, sila hubungi pasukan Komunikasi kami:

Nur Farah Ilyana Idros
Komunikasi & Perhubungan Awam
My Digital ID Sdn Bhd
E-mel: farah.idros@myid.my